

Kenaikan OPR 'ubat pahit' kekang inflasi akibat tekanan ekonomi

Berita Harian Ms: 8 10/09/2022

- Perkembangan terbaru kadar tukaran ringgit berkait perkembangan mutakhir dalam suasana global terutama krisis Russia-Ukraine, politik dalam negara

- Malaysia ada ruang terbatas pulihkan ekonomi penuh hingga terpaksa naikkan Kadar Dasar Semalaman beransur, agar tak teruk jejaskan isi rumah

Oleh Prof Emeritus Zakariah Abdul Rashid

bhrencana@bh.com.my

Ekoran prospek ekonomi global semakin tidak menentu, ringgit mencecah paras terendah pernah dicatatkan sejak krisis kewangan Asia 1998 pada Rabu lalu, lebih ramai pelabur mata wang mula beralih kepada dolar Amerika Syarikat (AS). Dalam suasana sedemikian, dolar menjadi mata wang yang dianggap lebih selamat.

(PRU-15) akan diadakan di tengah-tengah kisah pemijaraan dan perbicaraan mahkamah juga sedang hangat diperkatakan, menandakan politik negara ini masih jauh perjalanannya untuk mencapai keadaan benar-benar stabil; ia mewarnai persekitaran ekonomi negara.

Ketidaktentuan ekonomi global

Jika ketika wabak COVID-19, isu mewarnai persekitaran ekonomi adalah kesihatan, manakala ketika peralihan ke endemik, ia adalah isu politik; kedua-dua ini asas sebenar persekitaran ekonomi.

Perkembangan politik semasa kelihatan memberikan kesan positif kecil kepada pasaran saham dan

Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) sangat terkesan dengan wabak COVID-19 mengambil tindakan agresif merangsang ekonomi masing-masing, yang menjadi satu usaha baik ke arah pemulihan.

Ekonomi kebanyakan negara melantun pulih apabila wabak berkenaan terkawal. Namun kerosakan besar mula dicetuskan tangan manusia, konflik Russia-Ukraine dan sekatan bekalan bahan pengeluaran, bahan api serta makanan; ia menjadi penentu kepada keadaan ekonomi global, termasuk ekonomi Malaysia, pada masa mendatang.

Jika demikian apa Malaysia boleh lakukan? Dengan mengambil kira kekurangan dan kelebihan



Pakar Ekonomi

Pada jam 9.01 pagi itu, kadar tukaran mata wang ringgit merosot kepada 4.5010/5035 berbanding dolar AS daripada 4.4970/4500 ketika ditutup pada Selasa lalu. Kadar tukaran mengalami turun naik lebih ketara berbanding biasa baru-baru ini disebabkan ketegangan semakin memuncak antara Russia dengan Barat susulan keputusan negara bekas Soviet itu untuk memotong bekalan gas ke Eropah bagi tempoh tidak pasti.

Tekanan belian terhadap dolar AS dikesan ekoran daripada bacaan Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Bukan Pembuatan ISM AS yang jauh lebih tinggi daripada jangkaan.

Perkembangan terbaru terhadap kadar tukaran ringgit boleh dikaitkan dengan perkembangan mutakhir dalam suasana global dan politik dalam negara. Tiada perkembangan positif dapat dikesan dalam konflik Russia-Ukraine setakat ini menjadi penanda suasana politik global masih tidak menentu sedangkan keputusan memotong bekalan gas terbit menandakan masalah gangguan bekalan akan lebih meruncing, gangguan bekalan ini akan menambah parah masalah inflasi.

Berlandaskan data menunjukkan inflasi tinggi dan pengangguran rendah di AS, ramai menjangkakan Rizab Persekutuan AS akan mengekalkan trajektori semasa yang meningkat.

Sementara itu, ringgit didagangkan lebih tinggi berbanding sekumpulan mata wang utama. Unit tempatan naik berbanding dolar Singapura kepada 3.1965/1987 daripada 3.2021/2044 ketika ditutup pada Selasa dan meningkat berbanding yen Jepun kepada 3.1451/1473 daripada 3.1741/1762.

Ringgit juga kukuh berbanding pound British kepada 5.1671/1700 daripada 5.2156/2191 Rabu lalu dan stabil berbanding euro kepada 4.4515/4540 daripada 4.4759/4788.

Kisah Datuk Seri Najib Razak dipenjara dan ahli politik berprofil tinggi sedang menghadapi perbicaraan mahkamah, memberi kesan sedikit positif kepada pasaran ekuiti dan mata wang asing, indeks Bursa Malaysia dan kadar tukaran ringgit kelihatan menokok setiap hari selepas pemenjaraan Najib.

Namun isu bilakah Pilihan Raya Umum Ke-15

akan kesan positif kecil kepada pasaran sanam dan tukaran mata wang asing, namun ketidaktentuan persekitaran ekonomi global memberikan kesan negatif kepada kadar tukaran ringgit berbanding dolar AS.

Apapun yang berlaku dalam kedua-dua perkembangan politik dalam negara dan persekitaran ekonomi global, ekonomi negara pada 2023 dan tahun mendatang menghadapi saat sungguh mencabar.

Dunia amnya dan negara khususnya sedang mengalami inflasi amat tinggi ketika kita baru sahaja memulakan langkah pemulihan ekonomi, keadaan sedemikian menghasilkan kejutan baharu kepada ekonomi dunia dengan persoalan adakah kita akan mengalami stagflasi atau kegawatan.

Sesungguhnya ini adalah fenomena 'kitaran perniagaan' terhasil bermula wabak COVID-19, namun perang Russia-Ukraine menambah kekalutan sedia ada. Dunia global merujuk kepada ekonomi negara utama seperti AS, Kesatuan Eropah (EU), China dan



Menaikkan OPR antara langkah diambil BNM bagi mengurangkan impak inflasi kepada negara. (Foto hiasan)

ngan mengambili kira kekurangan dan kelebihan struktur ekonomi sedia ada, apa yang Malaysia boleh lakukan sangat terbatas untuk pemulihan penuh.

Malaysia hanya boleh sekadar melunakkan gejala kemerosotan ekonomi, termasuk kesejahteraan isi rumah, sedangkan ia amat terdedah dengan gelombang ekonomi global.

Cari jalan kekang kesan negatif

Mencari jalan agar kesan negatif inflasi dapat dibendung, kita terpaksa menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR). Ini kita lakukan secara berdik-dikit agar beban isi rumah penghutang terben- dung sambil kemerosotan kesejahteraan isi rumah keseluruhan ditangani melalui pemberian subsidi.

Masalah kemerosotan kadar tukaran ringgit sedang kita hadapi tidak begitu jelas. Ini kerana ia berlaku apabila dibandingkan dengan dolar AS tetapi dengan mata wang lain kemerosotan itu tidak begitu jelas. Bagaimanapun, sebagai mata wang paling terkemuka dunia, perbandingan dengan dolar AS amat penting diberikan perhatian justeru peningkatan agresif kadar bunga Rizab Persekutuan (Fed) mesti disusuli dengan sesuatu tindakan sesuai dalam OPR.

Sebagai satu instrumen 'kewangan' OPR perlu dinaikkan. Tindakan ini diambil untuk mengekang gejala inflasi di negara ini yang kelihatan sekarang bahawa bukan sahaja tiada tanda jelas ia akan susut, malah gejala ini bersifat global.

Peningkatan OPR dilihat satu langkah untuk menjinakkan peningkatan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan kemerosotan kadar tukaran ringgit; ia dilakukan agar kemerosotan kesejahteraan hidup rakyat dapat dikurangkan.

Oleh itu, tindakan kerajaan meningkatkan OPR, walaupun menaikkan kos meminjam terutama isi rumah penghutang, adalah langkah betul kerana ia sedikit sebanyak dapat mengawal IHP dan mengukuhkan ringgit. Ia ibarat ubat pahit yang perlu ditelan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH